

21 MAY 1997

Ericsson-Panel

PRESIDEN ERICSSON SERTAI PANEL MSC

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Ericsson Dr Lars Ramqvist telah dilantik oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggotai Panel Penasihat Antarabangsa bagi Koridor Raya Multimedia (MSC).

Sambil menyatakan rasa terharunya dengan penghargaan itu, Ramqvist berharap untuk menyertai anggota lain dalam panel ini yang merupakan tokoh dalam bidang masing-masing menyumbang secara positif dan aktif bagi menjayakan MSC.

Dalam satu kenyataan hari ini, Ericsson Telecommunications Sdn Bhd di sini berkata Ramqvist mengikuti dengan penuh minat kemajuan di Malaysia khususnya yang berkaitan dengan MSC yang dianggapnya satu pembangunan dinamik dan berwawasan hingga menarik minat dunia.

Panel yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir itu mengandungi 30 orang anggota termasuk nama-nama besar dalam teknologi maklumat seperti Bill Gates dari Microsoft, Louis Gerstner dari IBM dan Gilbert Amelio dari Apple. Mesyuarat pertamanya berlangsung di Palo Alto, California pada Januari lepas manakal mesyuarat berikutnya dijadual berlangsung di sini Januari tahun depan.

Ramqvist, yang menemui Dr Mahathir di London semalam, telah memberi taklimat kepada Perdana Menteri mengenai penyertaan dan penglibatan Ericsson dalam MSC dan keputusan syarikat itu menjadikan Malaysia satu daripada pusat untuk pembuatan telefon bimbit.

Kilang di Shah Alam itu akan mengeluarkan telefon bimbit untuk pasaran di rantau Asia Pasifik serta menyediakan beratus-ratus peluang pekerjaan dalam tempoh tiga tahun. Pengeluaran pertama dijangka Disember ini.

Ramqvist juga memberitahu Dr Mahathir bahawa keputusan menempatkan kilang itu di Malaysia adalah sebagai bukti komitmen jangka panjang dan keyakinan Ericsson terhadap Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai asas ekonomi yang kukuh serta yang menyediakan tahap kecekapan profesional.

Beliau berkata Ericsson telah memohon menyertai MSC bagi operasi dalam bidang reka bentuk serta pengeluaran perisian dan berharap permohonan itu akan dipertimbang secara positif.

Ericsson mempunyai lebih 600 pakar teknikal tempatan yang mendapat latihan sama ada di Sweden atau di Akademi Ericsson di Shah Alam.

Ramqvist juga berkata Ericsson di Stockholm dan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) akan menganjur satu perbincangan dengan eksekutif kanan syarikat-syarikat dari semua negara Scandinavia bagi menjelaskan mengenai MSC.

Rombongan 22 pegawai kanan dari Malaysia dijangka diketuai oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie dan Ketua Setiausaha Negara Datuk Paduka Abdul Halim Ali. -- BERNAMA

ZAB MAI